



GARIS PANDUAN PENYIMPANAN (STORAGE) SISA PLASTIK DI KILANG



1. LATAR BELAKANG

- Ruang penyimpanan sisa plastik yang teratur, kemas dan mencukupi merupakan salah satu kriteria yang perlu dipatuhi oleh pengimport sisa plastik sebelum kelulusan lesen import (AP) dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).
- Ruang penyimpanan sisa plastik yang tidak teratur boleh menyebabkan masalah seperti bau busuk dan kacau ganggu kepada pekerja, penduduk dan persekitaran premis.

2. TUJUAN

- Garis panduan ini bertujuan untuk membantu pihak industri yang mengimport sisa plastik melaksanakan kaedah penyimpanan sisa plastik atau bahan mentah secara lebih teratur supaya impak kepada persekitaran dapat diminimumkan sebaik mungkin.
- Kaedah penyimpanan yang teratur dapat mengelakkan daripada berlakunya insiden dan kemalangan yang tidak diingini di kilang pengimport.

3. KAEDAH PENYIMPANAN DI DALAM BANGUNAN

- Sisa plastik yang dikeluarkan dari kontena hendaklah diletak di atas pallet di atas permukaan lantai yang rata dan kering. Kekuatan pallet perlu mengambilkira berat sisa plastik yang ditampung sama ada ketika berat sisa berada di dalam keadaan kering atau basah.

-
- Setiap susunan bungkusan (*bale*) sisa plastik yang bertingkat perlu di letak pallet di bahagian bawah bagi memudahkan kerja-kerja memindahkan sisa tersebut menggunakan jentera *forklift*.
 - Pelekat garisan berwarna kuning/hijau hendaklah ditampal di permukaan lantai di sekeliling stok sisa plastik.
 - Elakkan sisa plastik daripada disusun bersandar pada dinding bangunan bagi mengekalkan pengudaraan yang baik.
 - Sisa plastik hendaklah disusun pada ketinggian yang sesuai dan selamat bergantung kepada beratnya supaya ia sentiasa berada pada keadaan yang stabil dan tidak melimpah.

4. KAEDAH PENYIMPANAN DI LUAR BANGUNAN

- Sekiranya sisa plastik diletak di luar premis namun masih di dalam pagar premis, sisa tersebut hendaklah ditutup sepenuhnya dengan kanvas yang kalis air.
- Lokasi penyimpanan yang terbaik adalah diletak di bawah premis berbumbung melainkan setiap bungkusan sisa plastik tersebut telah dibungkus dengan kemas dan betul-betul rapi dengan bahan kalis air.
- Sisa plastik di luar premis hendaklah diletakkan di atas lantai konkrit atau bersimen.
- Elakkan sisa plastik daripada disusun melepasi ketinggian tembok/pagar premis.
- Stok sisa plastik adalah dilarang sama sekali diletak di luar pagar premis dan di tepi bahu jalan.

5. PANDUAN UMUM

- Pemilik premis perlu melaksanakan pelan pembasmian serangga perosak secara berkala di kawasan penstoran sisa plastik.
- Laluan pejalan kaki ke kawasan masuk dan keluar ruang simpanan sisa perlu sentiasa lapang dan bebas halangan.
- Pemilik premis perlu mempunyai pelan pencegahan kebakaran kerana sisa plastik dikategorikan sebagai bahan yang mudah terbakar.

Disediakan oleh:

Bahagian Kelulusan dan Pelesenan

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

Nota:

Garis Panduan ini hanya sebagai maklumat tambahan kepada apa-apa pekeliling atau garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh agensi penguatkuasa seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau Pihak Berkuasa Tempatan.